

# Ibu sebak terima ijazah arwah anak

UB 29.03.2022 P.08

Arwah sangat teruja untuk hadiri konvokesyen, ingin bergambar bersama sekeluarga

**KOTA KINABALU:** Tiada ungkapan mampu dilafazkan oleh seorang ibu tatkala menerima ijazah Allahyarhamah anak kesayangan pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-22 di Dewan Canselor UMS.

Juliana Baru, 57, mewakili Allahyarhamah Nusratina Jalaludin, 24, yang meninggal dunia pada Oktober 2021 di kediamannya di Sipitang.

Ibu arwah kelihatan sebak dan tidak dapat menahan air mata semasa menerima ijazah tersebut yang disampaikan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Menurutnya, Allahyarhamah amat gembira ketika berjaya menamatkan ketika berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kewangan Antarabangsa, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) pada tahun 2020.

“Masih terngiang-ninggi dalam ingatan saya, arwah sangat teruja untuk menghadiri hari konvokesenyennya dan berhasrat ingin bergambar bersama-sama kami sekeluarga.

“Namun, malang tidak berbau, ajal terlebih dahulu menjemput Allahyarhamah,” katanya ketika ditemui selepas menerima ijazah anaknya, di sini, pada Ahad.

Ujar Juliana, sebelum kejadian, arwah ada mengadu sakit kepala.

“Lebih memilukan, Al-



**ALBUM:** Ahli keluarga Allahyarhamah Nusratina mengambil gambar kenangan bersama skrol Ijazah sarjana muda yang diterima. Turut kelihatan Juliana (depan lima kanan).

lahyarhamah meninggal dunia ketika berada dalam pangkuhan ayahnya sambil disaksikan ahli keluarga yang lain.

“Kami masih bersedih dan rindu dengan arwah, tetapi kami juga berbangga dengan pencapaianinya,” katanya menahan sebak.

Juliana menyifatkan anak kelima daripada lapan beradik itu sebagai seorang anak yang baik, ceria, peramah, taat kepada ibu bapa serta seorang pelajar yang cemerlang sejak di peringkat sekolah rendah.

“Arwah sentiasa mendengar nasihat dan tidak pernah melukakan hati kami. Arwah ingin berjaya dalam hidupnya

dan membanggakan saya dan ayahnya.

“Namun Allah lebih sayangkan arwah, dan saya reda dengan semua ini,” katanya.

Pada istiadat konvokesyen itu, Juliana hadir ditemani suami dan anak-anaknya yang lain.

“Saya berterima kasih kepada pihak UMS kerana sudi menjemput kami sekeluarga, saya amat hargainya,” kata Juliana.



**SEBAK:** Juliana mewakili Allahyarhamah anaknya menerima Ijazah daripada Naib Canselor UMS.